

**Najib: Generasi harus keluar dari zon selesa**  
**Malaysian Insider**  
**May 14, 2013**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

PETALING JAYA, 14 Mei — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menegaskan generasi muda tidak seharusnya berada dalam 'zon selesa' sebaliknya perlu mencabar diri masing-masing untuk melakukan sesuatu yang luar biasa.

"Saya berharap lebih ramai orang muda merasakan diri mereka tercabar untuk melakukan sesuatu di luar daripada biasa," kata Najib dalam ucapannya sewaktu menyambut kepulangan juruterbang termuda negara Kapten James Anthony Tan, 21, yang pulang selepas mengelilingi dunia di Lapangan Terbang TUDM Subang di sini.

"Saya juga mengharapkan belia tidak berada dalam zon selesa masing-masing. Kita harus bertanya pada diri kita, apa yang kita boleh lakukan. Kerana akhirnya, kejayaan kita sebagai warganegara bergantung kepada daya saing, semangat untuk mencuba perkara yang belum dilakukan orang lain," katanya lagi.

James yang memulakan misi mengelilingi dunia menggunakan pesawat Cessna P210 Eagle yang diberikan nama "Semangat Malaysia" pada 28 Mac 2013, di Langkawi ketika Pameran Maritim Aeroangkasa Langkawi (LIMA).

Melalui projek "1Malaysia Around The World" (1RTW), beliau telah memecah dua rekod dunia: "World Guinness Book of Records" dan "Malaysia Book of Records" sebagai juruterbang termuda dan rakyat Malaysia serta ASEAN yang pertama melakukan ekspedisi solo mengelilingi dunia.

Beliau telah melalui sejauh 21,103 batu nautika (39,083km) selama 48 hari dan telah melewati 20 negara di hampir 30 perhentian.

Antara negara yang dilewatinya adalah Thailand, Vietnam, China, Jepun, Rusia, Amerika Syarikat, Kanada, Denmark, Iceland, United Kingdom, Perancis, Itali, Mesir, Jordan, Qatar, Pakistan, India dan, Myanmar.

James, yang pernah menghidap disleksia ketika sidang medianya berkata, usaha yang dilakukannya itu adalah demi memberikan inspirasi kepada semua rakyat Malaysia untuk mencapai impian mereka walaupun perkara itu mustahi.

"Saya amat merindui nasi lemak," katanya ketika ditanya perkara yang paling dirindunya dalam ekspedisi tersebut.

Malah, beliau turut menceritakan detik cemas apabila terpaksa mengharungi Selat Beiring dengan suhu -20 darjah Celcius dan juga kerosakan teknikal pesawat.

Mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan perkembangan projek 1RTW boleh melayari [www.1rtw.com.my](http://www.1rtw.com.my)

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-generasi-harus-keluar-dari-zon-selesa/>